




Tunku Azizah menabur bunga di pusara Allahyarhamah Tun Rahah di Lingkaran Makam Pahlawan, Masjid Negara, semalam. (Foto BERNAMA)



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin mengaminkan doa ketika menziarah jenazah Allahyarhamah Tun Rahah di Masjid Ar-Rahah, Kerinch.



Penghormatan Negara buat Allahyarhamah Tun Rahah

Jenazah dikebumikan bersebelahan pusara kakanda di Lingkaran Makam Pahlawan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hujan renyai mengiringi pengebumian jenazah Tun Rahah Mohamed Noah, bala kepada bekas Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein, di Masjid Negara, semalam.

Allahyarhamah yang juga ibu Perdana Menteri Keenam, Datuk Seri Najib Razak, diberi penghormatan Istiadat Pengebumian Negara dan selamat dikebumikan di Lingkaran Makam Pahlawan pada jam 3.45 petang.

Jenazah Allahyarhamah dikebumikan bersebelahan pusara kakandanya, Tun Suhailah yang juga ibu kepada Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Pengebumian itu dihadiri Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta ahli keluarga terdekat, selain Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah; Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta pemimpin kanan kerajaan dan parti politik.

Ia turut disaksikan puluhan orang ramai dari luar pagar Masjid

Negara yang menanti sejak jam 12.30 tengah hari semalam untuk memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarhamah.

Istiadat Pengebumian Negara itu bermula jam 2.30 petang dengan solat jenazah diketuai Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd Husni dan disertai Muhyiddin; Najib serta hadirin lain.

Selesai solat jenazah, istiadat diuteruskan dengan pengebumian jenazah. Ketika pengebumian, Najib turut membantu mengangkat jenazah bondanya untuk turun ke liang.

Dalam nada sebak Ehsan kemudian mengetuai bacaan talkin. Ahli keluarga Rahah serta Raja Permaisuri Agong turut dilihat beberapa kali menyeka air mata ketika talkin dibacakan.

Tunku Azizah kemudian berkenan memulakan upacara siraman air mawar ke pusara Allahyarhamah disusuli Muhyiddin, Najib, Rosmah dan anak lelaki Allahyarhamah yang lain serta anakanda Yang di-Pertuan Agong.

Istiadat kemudian berakhir dengan penyerahan bendera Malaysia daripada wakil kerajaan kepada Najib yang mewakili ahli keluarga Allahyarhamah.

Ia disusuli keberangkatan pulang Tunku Azizah serta pergerakan pulang Perdana Menteri, ahli keluarga dan orang ramai.

Terdahulu, jenazah dibawa dari kediaman rasminya di Jalan Eaton, dekat ibu negara dan tiba di Masjid Ar-Rahah, Kampung Kerinch ini pada jam 7.50 pagi untuk dimandi dan dikafarkan oleh petugas Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Orang ramai yang menanti di luar pintu masuk Masjid Ar-Rahah hanya dibenarkan masuk untuk memberikan penghormatan terakhir pada jam 9 pagi tadi secara berperingkat oleh pasukan keselamatan.


Pendekatan itu diambil bagi memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) seiring pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur yang berkuat kuasa hingga 31 Disember ini.

Rahah, 87, meninggal dunia petang kelmarin ketika menerima rawatan di Hospital Prince Court, meninggalkan lima anak lelaki iaitu Najib, Datuk Mohamed Nazir, Datuk Ahmad Johari, Datuk Mohamed Nizam serta Datuk Mohamed Nazim.



Makam Pahlawan

- » Dibina pada 1963 bersama pembinaan Masjid Negara dan siap pada 1965
- » Kawasan perkuburan khas untuk persematian negarawan dan pahlawan negara
- » Terbahagi kepada dua bahagian iaitu luar (Lingkaran Makam Pahlawan) dan dalam (kawasan berkubah)
- » Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail Abdul Rahman menjadi pemimpin pertama disemadikan di Makam Pahlawan
- » Turut disemadikan, bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn serta bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar Baba



Dr Mahathir turut memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarhamah Tun Rahah di Masjid Ar-Rahah, Kerinch.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah berangkat menziarah jenazah Allahyarhamah Tun Rahah di Masjid Ar-Rahah, Kerinchi.



Muhyiddin menyiram air mawar di pusara Allahyarhamah Tun Rahah di Lingkaran Makam Pahlawan, Masjid Negara.



Najib bersama ahli keluarga ketika bacaan talkin untuk Allahyarhamah bondanya.



Jenazah Allahyarhamah Tun Rahah disolatkan di Masjid Ar-Rahah, Kampung Kerinchi sebelum dikebumikan di Lingkaran Makam Pahlawan, Masjid Negara, semalam.



Jenazah Allahyarhamah Tun Rahah diusung ke Lingkaran Makam Pahlawan dengan penghormatan Istiadat Pengebumian Negara, di Masjid Negara.



kiri Bee Yin, Young Syefura dan Teresa Kok hadir memberi penghormatan khir kepada Allahyarhamah Tun Rahah, semalam. (Foto Aswadi Alias /BH)

'Bonda beri sokongan tak berbelah bahagi ceburi politik'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menyimpan banyak memori indah serta manis bersama bondanya, Allahyarhamah Tun Rahah Mohamed Noah, terutama apabila menerima sokongan tidak berbelah bahagi ketika beliau mahu menyerai politik kira-kira 44 tahun lalu.

"Banyak memori indah dan manis, terutama apabila saya hendak mula mencebur diri dalam bidang politik ketika hampir berusia 23 tahun."

"Ketika itu, bonda memberi sokongan dan menyerahkan sepenuhnya kepada saya. Apa juga keputusan saya, bonda sokong dan memberi segala bantuan moral serta kasih sayang untuk saya berjaya dalam bidang politik," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian ketika ditemui selepas Istiadat Pengebumian Negara untuk Allahyarhamah di Lingkaran Makam Pahlawan, Masjid Negara, di sini, semalam.

Menggambarkan keperibadian balu Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein itu, Najib menyifatkan bondanya sebagai seorang yang amat penyayang dan baik hati.

"Bonda berjaya mendidik kami (lima anak lelakinya) dengan sempurna sehingga kelima-lima adik-beradik mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing.

"Bonda juga menjadi tonggak kekuasaan kami selepas Allahyarham Tun Abdul Razak sudah tiada lagi."

"Bonda memang menjadi tumpuan kami. Amat sukar bagi kami kehilangan seorang ibu. Yang tentunya, kami semua berasa amat sedih, tetapi ini ketentuan Ilahi."

"Bonda melalui kehidupan selama 87 tahun dan mencapai kemuncak dalam hidupnya serta menyaksikan anak membesar dan sedikit sebanyak menikmati kepuasan atas apa yang kami lakukan," katanya.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, beliau akan berpegang teguh kepada pesanan Allahyarhamah supaya terus menjaga nama baik keluarga.

Beliau berkata, Allahyarhamah

Bonda memang menjadi tumpuan kami. Amat sukar bagi kami kehilangan seorang ibu. Yang tentunya, kami semua berasa amat sedih, tetapi ini ketentuan Ilahi.

**Najib Razak,
Bekas Perdana Menteri**

sentiasa mengingatkan nasihat itu, sekali gus mahu dirinya menjalankan tugas dengan sebaik mungkin dan sepuh dedikasi.

"Sebelum ini, Allahyarhamah bonda memang sentiasa mengingatkan saya untuk menjalankan kerja dengan sebaiknya dan penuh dedikasi."

"Pada bonda, nama keluarga penting untuk terus dipertahankan," katanya.

Najib turut mengambil kesempatan mewakili keluarganya, menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang memberi penghormatan Istiadat Pengebumian Negara kepada Allahyarhamah.

"Tentu ini satu penghormatan teristimewa dan saya percaya ini akan menjadi kenangan manis kepada keluarga Tun Abdul Razak," katanya.

Beliau sekali gus memaklumkan bahawa majlis tahlil akan dilakukan selama seminggu di Masjid Ar-Rahah, Kampung Kerinchi, di sini.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Tun Rahah banyak menabur jasa dalam membantu suaminya, Tun Razak ketika menjadi Perdana Menteri Kedua.

Dr Mahathir yang mempunyai hubungan akrab dengan keluarga Tun Razak, menyifatkan Allahyarhamah sebagai antara generasi merdeka terakhir yang tidak ter-

nilai jasa dan sumbangannya kepada negara.

"(Beliau) generasi 'merdeka'... tak banyak orang yang generasi merdeka yang masih ada (hidup). Mungkin (beliau) antara yang terakhir."

"Dia membantu Tun Razak ketika jadi Perdana Menteri (Kedua)," kata Dr Mahathir yang kelihatan tidak mampu menahan sebak dan mengalirkan air mata ketika dijumpai selepas memberi penghormatan terakhir di Masjid Ar-Rahah, Kampung Kerinchi.

Dr Mahathir yang ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan anaknya, Datuk Seri Mukhriz antara pemimpin negara dan kenalan yang hadir memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarhamah.

Di sebalik tugasnya sebagai seorang isteri kepada pemimpin utama negara, Tun Rahah membuktikan bahawa wanita juga boleh memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara dengan membabitkan diri dalam beberapa kegiatan golongan Hawa di negara ini.

Beliau aktif dalam pergerakan Ibu UMNO (kini Wanita UMNO) dan pernah menjadi pengasas pergerakan Wanita UMNO Petaling Jaya, selain cenderung dengan kerja kebajikan khususnya yang memberi manfaat kepada kaum wanita.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata pemergian Allahyarhamah adalah satu kehilangan besar kepada negara.

"Sudah pasti sumbangan Tun Rahah kepada negara sangat besar terutama sebagai seorang yang membantu Tun Razak membina semula negara," katanya.

Beberapa ahli politik pembangkang turut hadir memberi penghormatan terakhir antaranya seperti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ketari, Young Syefura Othman; Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok; Ahli Parlimen Bakri, Yeo Bee Yin dan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil.